

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

4.1 British Military Administration

(Buku Teks m.s. 94 – 95)

- 1 Apakah bentuk pentadbiran yang diisytiharkan di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua?
- A Westminster
 - B Malayan Union
 - C Persekutuan Tanah Melayu
 - D British Military Administration

(Buku Teks m.s. 94)

- 2 Pentadbiran BMA diletakkan di bawah arahan
- A H. C. Willan
 - B Lord Mountbatten
 - C Frank Swettenham
 - D Sir Harold MacMicheal

(Buku Teks m.s. 94)

- 3 Mengapakah British menubuhkan pentadbiran berikut di Tanah Melayu?

British Military Administration (BMA)

- I Memberi latihan kepimpinan
 - II Melaksanakan ekonomi kawalan
 - III Memulihkan kepercayaan rakyat
 - IV Mengembalikan kestabilan negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 94)

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan British di Tanah Melayu.

BMA berusaha untuk membubarkan sebuah pertubuhan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Apakah pertubuhan tersebut?

- A PKM
- B PETA
- C MPAJA
- D Force 136

(Buku Teks m.s. 94)

- 5 Keamanan dan kestabilan Tanah Melayu terjejas selepas Perang Dunia Kedua. Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- I Kongsi gelap
 - II Kegiatan jenayah
 - III Perebutan kuasa
 - IV Gerakan anti-British
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 94)

- 6 Apakah masalah besar yang dihadapi oleh BMA untuk memulihkan keamanan Tanah Melayu?

- A Kerosakan bangunan
- B Ketiadaan kepakaran
- C Kekurangan modal
- D Ketegangan kaum

(Buku Teks m.s. 94)

- 7 Mengapakah rakyat mengalami kesukaran hidup di bawah pemerintahan Jepun?

- A Harga barang meningkat
- B Kemudahan prasarana terhad
- C Sistem pendidikan terbatas
- D Pelaksanaan ekonomi tradisional

(Buku Teks m.s. 94)

- 8 Tugas BMA ialah mengembalikan kepercayaan rakyat kepada mereka.

Apakah matlamat BMA bertindak sedemikian?

- A Membantu memulihkan ekonomi
- B Mengukuhkan kedudukan British
- C Menyokong kepulauan British
- D Menentang pengaruh Jepun

(Buku Teks m.s. 94)

9 Jadual berikut menunjukkan harga barang di Tanah Melayu pada zaman pendudukan Jepun.

Sebelum Perang Disember 1941			Disember 1944	Julai 1945	Selepas Perang Ogos 1945
Barang	Unit	Dolar Selat (Straits Settlements)	Mata Wang Jepun		
Beras	Per kati	0.06	8.20	36.00	75.00
Gula	Per kati	0.08	18.00	72.00	120.00
Garam	Per kati	0.015	9.50	22.00	28.00

Mengapakah berlaku peningkatan harga barang?

- A Serangan penyakit berjangkit
- B Kegiatan pasaran gelap
- C Sekatan ekonomi dunia
- D Kekurangan bekalan makanan

(Buku Teks m.s. 95)

10 Bagaimanakah usaha BMA untuk memulihkan kepercayaan rakyat?

- A Menubuhkan jabatan kerajaan
- B Membawa penasihat Barat
- C Memulihkan sosioekonomi
- D Menggunakan teknologi moden

(Buku Teks m.s. 95)

11 Usaha British untuk memulihkan sosioekonomi di Tanah Melayu selepas pendudukan Jepun mengalami kegagalan.

Apakah faktor kegagalan tersebut?

- A Kemelesetan ekonomi dunia
- B Kegiatan rasuah yang berleluasa
- C Kekurangan sokongan kewangan
- D Kesukaran membawa masuk jentera

(Buku Teks m.s. 95)

12 Mengapakah perkhidmatan BMA ditamatkan oleh British?

- A Ketegangan hubungan antara pelbagai kaum
- B Kemasukan pengaruh komunis ke Tanah Melayu
- C Kekurangan sokongan daripada penduduk peribumi
- D Ketidakupayaan menangani masalah di Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 95)

4.2 Gagasan Malayan Union

(Buku Teks m.s. 96 – 99)

13 Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran British di Tanah Melayu.

Tempoh	Selepas Perang Dunia Kedua
Tujuan Rancangan	• Meningkatkan pelaburan ekonomi. • Mengukuhkan pertahanan. • Mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga.

Apakah rancangan pentadbiran tersebut?

- A Malayan Union
- B Suruhanjaya Reid
- C Rancangan Briggs
- D Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 96)

14 Apakah unit pentadbiran yang ditubuhkan untuk membentuk pentadbiran baharu selepas kegagalan BMA?

- A Unit Operasi Negara
- B Unit Penyelamat Negara
- C Unit Perancang Tanah Melayu
- D Unit Pentadbiran Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 96)

15 Apakah peranan tokoh berikut di Tanah Melayu?

Mejar Jeneral Ralph Hone

- A Merancang satu bentuk pentadbiran baharu
- B Memperkenalkan sistem pentadbiran tentera
- C Mengatur strategi memulihkan sosio-ekonomi
- D Melatih penduduk tempatan dalam pentadbiran

(Buku Teks m.s. 96)

16 Bagaimanakah tindakan British menguasai semula Tanah Melayu melalui Malayan Union?

- A Memantapkan sistem pentadbiran
- B Memisahkan Negeri-negeri Melayu
- C Menubuhkan pentadbiran berpusat
- D Memperkenalkan sistem perundangan

(Buku Teks m.s. 96)

17 Rancangan Malayan Union telah diisytiharkan dalam Kertas Putih 6274.

Apakah kandungan Kertas Putih tersebut?

- I Konsep kesatuan
- II Sistem pendidikan
- III Bahasa kebangsaan
- IV Syarat kewarganegaraan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 96)

18 Maklumat berikut berkaitan dengan pelaksanaan gagasan Malayan Union.

Tarikh	Peristiwa
25 April 1945	Persatuan Pelajar Melayu Britain menghantar memorandum kepada Parlimen Britain.

Apakah isi kandungan memorandum tersebut?

- A Menentang Malayan Union
- B Menentang prinsip Jus Soli
- C Memberi latihan kepimpinan
- D Menuntut kedaulatan negara

(Buku Teks m.s. 96)

19 Asas kewarganegaraan Malayan Union adalah berasaskan prinsip jus soli.

Apakah maksud jus soli?

- A Kewarganegaraan mengikut warna kulit
- B Kewarganegaraan kepada penduduk asal
- C Kewarganegaraan berdasarkan keturunan
- D Kewarganegaraan berdasarkan tempat lahir

(Buku Teks m.s. 96)

20 Maklumat berikut berkaitan dengan masa depan Tanah Melayu.

Pada tahun 1945, beberapa pihak telah menghantar memorandum kepada British.

Apakah pihak yang terlibat?

- A Kesatuan Melayu Muda
- B Persatuan Pemuda Negeri
- C Persatuan Melayu Selangor
- D Persatuan Cina Seberang Laut

(Buku Teks m.s. 96)

21 Bagaimanakah rancangan Malayan Union disiarkan?

- A Dalam Warta Kerajaan
- B Melalui Parlimen British
- C Melalui Raja-raja Melayu
- D Dalam memorandum pelajar

(Buku Teks m.s. 96)

22 Malayan Union merupakan penyatuan beberapa unit pentadbiran.

Apakah unit pentadbiran yang digabungkan?

- I Negeri-negeri Selat
- II Negeri-negeri Melayu
- III Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- IV Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 96)

23 Mengapakah British melakukan penyatuan tersebut?

- A Melicinkan sistem pentadbiran
- B Memelihara hak istimewa peribumi
- C Memperkukuh pemerintahan beraja
- D Melatih penduduk tempatan pentadbir

(Buku Teks m.s. 96 - 97)

- 24 Siapakah yang dilantik menjadi ketua pentadbir dalam Malayan Union?
- A Gabenor British
 - B Residen Jeneral
 - C Penasihat British
 - D Pesuruhjaya Tinggi British

(Buku Teks m.s. 97)

- 25 Apakah majlis yang dibentuk dalam rancangan Malayan Union?
- I Majlis Eksekutif
 - II Majlis Kehakiman
 - III Majlis Keselamatan Negara
 - IV Majlis Perundangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 97)

- 26 Rajah berikut menunjukkan kuasa Raja-raja Melayu dalam Malayan Union.



Apakah rumusan pelaksanaan Malayan Union terhadap Raja-raja Melayu?

- A Menghakis kuasa raja
- B Menjamin kedaulatan raja
- C Mengukuhkan kedudukan raja
- D Memberi kuasa kepada Residen

(Buku Teks m.s. 97)

- 27 Pernyataan berikut berkaitan dengan ciri kewarganegaraan Malayan Union yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1946.

Mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas serta bermastautin selama 10 tahun hingga 15 tahun akan diberikan kewarganegaraan.

Apakah kesan pernyataan tersebut?

- A Komposisi penduduk seimbang
- B Penghapusan ekonomi tradisional
- C Kedudukan kaum peribumi terancam
- D Pengaruh golongan radikal berkurangan

(Buku Teks m.s. 97)

- 28 British menghantar pegawai berikut dalam misi penubuhan Malayan Union.

H. C. Willan

Apakah peranan pegawai tersebut?

- A Mengembalikan kestabilan dan keamanan
- B Merintis jalan menghadap Raja-raja Melayu
- C Mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu
- D Mendapatkan tandatangan pembesar Melayu

(Buku Teks m.s. 98)

- 29 H. C. Willan telah menghantar laporan setelah penemuan dengan Raja-raja Melayu. Apakah kandungan laporan beliau?

- A Sultan tidak menerima Malayan Union
- B Sultan akan menyokong Malayan Union
- C Sultan akan berunding dengan pemimpin
- D Sultan akan bersidang dalam Majlis Raja

(Buku Teks m.s. 98)

- 30 Apakah sumbangan tokoh berikut dalam gagasan Malayan Union?



Sir Harold MacMicheal

- A Menerangkan kepada rakyat
- B Menerima usul Raja-raja Melayu
- C Mengkaji pandangan masyarakat
- D Mendapatkan tandatangan sultan

(Buku Teks m.s. 98)

- 31 Sir Harold MacMicheal hanya mengambil masa dua bulan untuk mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu terhadap Malayan Union. Apakah taktik yang dilaksanakan oleh tokoh tersebut?

- I Menaikkan elaun
- II Mengekalkan gelaran
- III Menggunakan ugutan
- IV Membuat desakan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 98 – 99)

- 32 Pilih pasangan yang **BETUL** berkaitan dengan reaksi Raja-raja Melayu semasa Sir Harold MacMicheal mendapatkan tandatangan.

Pilihan Jawapan	Sultan	Reaksi
A	Sultan Badlishah, Kedah	Bersetuju menurunkan tandatangan
B	Sultan Ismail Nasiruddin, Terengganu	Diberi masa berunding dengan Majlis Raja-raja Melayu
C	Sultan Abdul Aziz, Perak	Melengah-lengahkan masa
D	Sultan Abu Bakar, Pahang	Berlaku perdebatan dengan British

(Buku Teks m.s. 99)

- 33 Sebagai rakyat yang patriotik, mengapakah anda menentang Malayan Union?
- A Menyekat usaha perpaduan kaum
B Membawa masuk golongan imigran
C Membentuk penjajahan secara mutlak
D Membantut kemajuan ekonomi negara

(Buku Teks m.s. 98)

4.3 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Malayan Union

(Buku Teks m.s. 100 – 106)

- 34 Apakah persamaan bantahan sultan berikut terhadap Malayan Union?

- Sultan Kedah
- Sultan Johor
- Sultan Perak

- I Mengutus surat bantahan
II Menubuhkan persatuan Melayu
III Memberi sumbangan kewangan
IV Menggunakan Mahkamah Tinggi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 100)

- 35 Bagaimanakah tindakan raja berikut memban-
Malayan Union?

Tuanku Syed Putra Jamalullail (Raja Perak)

- A Menyokong kongres
B Mengirimkan telegram
C Mengadap Ratu England
D Mengutus surat bantahan

(Buku Teks m.s. 101)

- 36 Kongres Melayu Pertama telah dianjurkan untuk menolak Malayan Union. Apakah persatuan yang menjadi tuan rumah kongres tersebut?

- A Persatuan Melayu Johor
B Persatuan Melayu Kedah
C Persatuan Melayu Pahang
D Persatuan Melayu Selangor

(Buku Teks m.s. 101)

- 37 Apakah sumbangan sultan berikut terhadap penubuhan Kongres Melayu?

Sultan	Negeri
Sultan Hisamuddin Alam Shah	Selangor

- I Memberi bantuan kewangan
II Meluluskan penubuhan kongres
III Mendapatkan sokongan pembesar
IV Merasmikan pembukaan kongres
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 101)

- 38 Peristiwa berikut berkaitan dengan penentangan terhadap Malayan Union.

Tarikh	28 Mei 1946
Peristiwa	Ahli Parlimen British tiba di Kuala Kangsar, Perak.

Bagaimanakah penentangan dilakukan terhadap ahli parlimen tersebut?

- A Menghalang laluan perjalanan ke bandar
B Mengugut melakukan serangan senjata
C Menggantung sepanduk sepanjang jalan
D Mengadakan perhimpunan besar-besaran

(Buku Teks m.s. 101)

- 39 Perarakan menentang Malayan Union berikut diketuai oleh raja perempuan.



Siapakah raja perempuan yang mengetahui perarakan tersebut?

- A Tuanku Permaisuri Johor
- B Tuanku Permaisuri Perak
- C Tuanku Permaisuri Pahang
- D Tuanku Permaisuri Selangor

(Buku Teks m.s. 101)

- 40 Bagaimanakah Dato' Onn Jaafar melibatkan Raja-raja Melayu dalam penentangan gagasan Malayan Union?

- A Menubuhkan Majlis Raja-raja Melayu
- B Menghidupkan semula persatuan Melayu
- C Mempersembahkan resolusi Kongres Melayu
- D Menghalang kehadiran Sir Harold MacMicheal

(Buku Teks m.s. 101)

- 41 Ribuan orang Melayu telah berhimpun di Hotel Station untuk memulaukan upacara perlantikan Gabenor Malayan Union.

Apakah yang dilaung semasa pemulauan tersebut?

- I "Bersatu teguh"
- II "Hidup Melayu"
- III "Daulat Tuanku"
- IV "Tentang British"

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 101)

- 42 Akhbar *Majlis* telah menyiarkan berita gagasan Malayan Union pada 12 Ogos 1945.

Apakah kesan daripada penyiaran berita tersebut?

- A Mengukuhkan perpaduan kaum
- B Menyokong pentadbiran baharu
- C Mengembalikan kepercayaan rakyat
- D Mencetuskan kesedaran nasionalisme

(Buku Teks m.s. 102)

- 43 Bagaimanakah cara orang Melayu menentang Malayan Union?

- A Mengecam melalui akhbar
- B Mengadakan serangan militan
- C Menggunakan tindakan radikal
- D Menandatangani surat pemulauan

(Buku Teks m.s. 102 – 106)

- 44 Apakah akhbar yang menyuarakan bantahan terhadap pengenalan Malayan Union?

- I *Warta Negara*
- II *Utusan Melayu*
- III *Fajar Sarawak*
- IV *Lembaga Melaya*

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 102)

- 45 Apakah seruan akhbar Melayu berikut tentang penentangan Malayan Union?

- *Warta Negara*
- *Utusan Melayu*

- A Mengadakan serangan secara terbuka
- B Memulau pengisytiharan Malayan Union
- C Mengadakan perhimpunan besar-besaran
- D Menghidupkan persatuan-persatuan Melayu

(Buku Teks m.s. 102)

46

- Za'ba
- Dato' Onn Jaafar
- Dato' Nik Ahmad Kamil
- Dato' Hamzah Abdullah

Apakah sumbangan tokoh tersebut terhadap negara kita?

- A Menghidupkan kesedaran berkarya
- B Menentang gagasan Malayan Union
- C Memulihkan perpaduan antara kaum
- D Menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 102)

- 47 Bagaimanakah tokoh berikut melaksanakan gerakan mereka?

- Za'ba
- Dato' Onn Jaafar
- Dato' Hamzah Abdullah

- A Menolak kerjasama British
- B Melaksanakan propaganda
- C Menggunakan karya kreatif
- D Menggerakkan orang Melayu

(Buku Teks m.s. 102)

48 Apakah persamaan peranan tokoh wanita berikut?

- Cikgu Zaharah Abdullah
- Halimahton Abd Majid
- Datin Puteh Mariah
- Saleha Mohd Ali

- A Menentang Malayan Union
B Menubuhkan persatuan Melayu
C Memberi bantuan kewangan
D Menyokong perjuangan nasionalis

(Buku Teks m.s. 103)

49 Terdapat segelintir persatuan Melayu yang berjaya menghimpunkan orang Melayu untuk membantah Malayan Union.

Apakah persatuan Melayu tersebut?

- I SABERKAS
II Hizbul Muslimin
III Kesatuan Melayu Muda
IV Persatuan Melayu Johor

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 103)

50 Manakah yang berkaitan dengan reaksi membantah terhadap penubuhan Malayan Union?

- A Perlaksanaan dasar dekolonisasi
B Selaras dengan Piagam Atlantik
C Bantahan bekas pegawai British
D Penamatan Perang Dunia Kedua

(Buku Teks m.s. 103)

51 Maklumat berikut berkaitan dengan bantahan terhadap Malayan Union.

Pemimpin persatuan Melayu dan sultan telah bekerjasama menentang kedatangan MacMicheal untuk mendapatkan tandatangan sultan.

Apakah negeri yang melakukan bantahan tersebut?

- I Johor
II Perlis
III Melaka
IV Kelantan

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 104)

52 Mengapakah tokoh berikut mengkritik kandungan Kertas Putih Malayan Union?

Tokoh	Jawatan
Tuan Haji Hussain Che Dol	Yang Dipertua Kesatuan Melayu Kedah
Senu Abdul Rahman	Setiausaha Agung SABERKAS

- A Menggugat kerjasama antara kaum
B Mengukuhkan politik orang dagang
C Mencabul kedaulatan bangsa Melayu
D Menjejaskan kedudukan pemimpin Melayu

(Buku Teks m.s. 104)

53 Peristiwa berikut berkaitan dengan penentangan di Johor.

Tarikh	Peristiwa
10 Februari 1946	Pergerakan Melayu Semenanjung Johor telah mengadakan perhimpunan untuk menentang Malayan Union di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar.

Mengapakah perhimpunan tersebut berjaya?

- A Desakan dari kaum ibu
B Sokongan dari kaum lain
C Kerjasama pihak istana
D Perpaduan orang Melayu

(Buku Teks m.s. 104)

54 Apakah cadangan pemimpin dan cendekiawan Melayu berikut untuk menentang Malayan Union?

- Za'ba
- Dato' Onn Jaafar
- Tunku Abdul Rahman

- A Mengadakan rapat umum
B Melakukan siri pemberontakan
C Mengajukan Kongres Melayu
D Menggunakan tindakan radikal

(Buku Teks m.s. 104)

- 55 Jadual berikut menunjukkan usaha orang Melayu menentang Malayan Union.


Tarikh	1 – 4 Mac 1946
Peristiwa	Kongres Melayu Pertama
Tempat	Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur

Apakah kepentingan peristiwa tersebut?

- A Perasaan perkauman dihapuskan
- B Memupuk perpaduan orang Melayu
- C Status quo orang Melayu terpelihara
- D Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu

(Buku Teks m.s. 105)

- 56 Gambar berikut berkaitan dengan perwakilan yang dihantar oleh pertubuhan Melayu untuk menghadiri Kongres Melayu pertama.



Apakah perwakilan yang dihantar ke kongres tersebut?

- A Sejarawan
- B Raja Muda
- C Menteri Besar
- D Tokoh perniagaan

(Buku Teks m.s. 105)

- 57 Apakah yang dipersetujui dalam Persidangan Kongres Melayu Pertama?

- A Penubuhan UMNO
- B Penubuhan persekutuan
- C Pemohonan kemerdekaan
- D Pemberian kewarganegaraan

(Buku Teks m.s. 105)

- 58 Apakah gelaran orang Melayu terhadap hari lahirnya Malayan Union?

- A Hari Kematian
- B Hari Kesedihan
- C Hari Penjajahan
- D Hari Perpaduan

(Buku Teks m.s. 105)

- 59 Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan Malayan Union.

Pertubuhan Melayu yang mewakili keseluruhan bangsa Melayu di Tanah Melayu ketika itu, bersatu menyokong penentangan Malayan Union. Salah satu tindakan yang diambil ialah orang-orang Melayu memakai lilitan putih di songkok.

Sumber: <https://www.thepatriots.asia/malayan-union-1946/>

Mengapakah orang Melayu berpakaian sedemikian?

- A Sebagai pakaian rasmi
- B Sebagai identiti bangsa
- C Sebagai tanda berkabung
- D Sebagai tanda penghormatan

(Buku Teks m.s. 105)

- 60 Gambar berikut menunjukkan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union semasa lawatan Ahli Parlimen British.



Pihak manakah yang menganjurkan bantahan tersebut?

- A UMNO
- B Kaum Ibu
- C Raja-raja Melayu
- D Pemimpin Melayu

(Buku Teks m.s. 106)

- 61 Mengapakah ahli Parlimen British berikut dihantar ke Tanah Melayu semasa gagasan Malayan Union?

- L. D. Gammans
- David Rees Williams

- A Melantik Gabenor Malayan Union
- B Menghalang kegiatan penentangan
- C Meninjau penentangan orang Melayu
- D Mendapatkan kerjasama orang Melayu

(Buku Teks m.s. 105)

- 62 Gammans dan Rees William telah membuat laporan kepada Pejabat Tanah Jajahan berkaitan dengan reaksi sultan yang menandatangani Perjanjian Malayan Union.

Apakah impak laporan tersebut?
 A Rundingan Perdamaian Paris
 B Rombongan Kemerdekaan ke London
 C Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu
 D Pembentukan British Military Administration

(Buku Teks m.s. 106)

- 63 Jadual berikut berkaitan rapat umum penduduk Tanah Melayu pada tahun 1946.

Negeri	Bilangan Penyertaan
Kedah	50 000 orang

Apakah yang mendorong mereka melakukan tindakan tersebut?

- A Menuntut hak sama rata
 B Menolak gagasan Malayan Union
 C Mendokong penubuhan Melayu Raya
 D Membantah kemasukan kaum imigran

(Buku Teks m.s. 106)

- 64 Apakah kesan peristiwa berikut terhadap orang Melayu?

Tahun	1946
Peristiwa	Pengenalan Malayan Union

- A Perpaduan kukuh
 B Ekonomi meningkat
 C Budaya berkembang
 D Kuasa sultan bertambah

(Buku Teks m.s. 106)

4.4 Penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British (Buku Teks m.s. 107 – 108)

- 65 Tokoh berikut menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada 1 Julai 1946.



Charles Vyner Brooke

Mengapakah beliau bertindak demikian?

- I Desakan kerajaan British
 II Masalah pewarisan takhta
 III Kedudukan tidak strategik
 IV Kekurangan bahan mentah

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

(Buku Teks m.s. 10)

- 66 Dialog berikut berkaitan dengan situasi Sarawak selepas Perang Dunia Kedua.

Pegawai British A: Saya sokong penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

Pegawai British B: Betul. Anthony Brooke yang tidak layak menjadi seorang pemimpin.

Apakah kesan daripada situasi tersebut?

- A Serangan komunis di setiap balai polis
 B Serangan kuasa Jepun terhadap Sarawak
 C Ancaman lanun terhadap tentera British
 D Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British

(Buku Teks m.s. 10)

- 67 Pihak manakah yang mendesak Vyner Brooke untuk memberikan kuasa yang lebih kepada British untuk menguasai Sarawak?

- A Ratu England
 B Pejabat Tanah Jajahan
 C Pesuruhjaya Tinggi British
 D Parlimen Britain

(Buku Teks m.s. 10)

- 68 Mengapakah Vyner Brooke mengalami masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas Perang Dunia Kedua?

- I Ketegangan antara kaum
 II Ekonomi Sarawak terjejas
 III Lombong minyak musnah
 IV Ancaman penyakit berjangkit

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

(Buku Teks m.s. 10)

- 69 Peristiwa berikut berlaku semasa Sarawak berada di bawah pemerintahan Jepun.

Tarikh	1944
Peristiwa	Oliver Stanley, Setiausaha Tanah Jajahan telah berunding dengan kerajaan sementara untuk membolehkan British mengambil Sarawak.

Cadangan tersebut telah ditolak oleh

- I Rees William
- II Bertram Brooke
- III Anthony Brooke
- IV James Brooke
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 107)

- 70 Mengapakah Vyner Brooke menghantar tokoh berikut ke Sarawak?

Tahun	1946
Tokoh	Gerald T. MacBryan

- A Menamatkan penjajahan British di Sarawak
- B Mengembalikan pentadbiran keluarga Brooke
- C Mendapatkan persetujuan penyerahan Sarawak
- D Menyerahkan Sarawak kepada pembesar tempatan

(Buku Teks m.s. 108)

- 71 Kerajaan British telah mengarahkan Vyner Brooke mendapatkan kelulusan daripada pihak Sarawak.

Siapakah pihak Sarawak yang terlibat?

- I Rakyat tempatan
- II Majlis Negeri
- III Majlis Rakyat
- IV Raja-raja Melayu
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 108)

- 72 Pada 2 Mei 1946, Gammans dan Rees William telah dihantar untuk meninjau reaksi penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

Apakah hasil tinjauan tersebut?

- I Kakitangan kerajaan menyokong
- II Ketua Adat menyokong
- III Orang Cina menyokong
- IV Sebahagian besar peribumi menentang
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 108)

- 73 Maklumat berikut berkaitan dengan keputusan undi berkaitan isu penyerahan Sarawak.

Keputusan Undi oleh Majlis Negeri	
Menyokong	19 undi
Menentang	16 undi

Apakah kesan keputusan undi terhadap Sarawak?

- A Kedudukan pentadbir negeri dipulihkan
- B Penyerahan kepada ketua tempatan
- C Sebagai negeri naungan British
- D Menjadi tanah jajahan British

(Buku Teks m.s. 108)

- 74 Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British telah diisytiharkan di Kuching. Bagaimanakah impak penyerahan tersebut terhadap Sarawak?

- A Kegiatan perdagangan terjejas
- B Negeri menjadi tanah jajahan
- C Sempadan wilayah berubah
- D Sistem beraja tergugat

(Buku Teks m.s. 108)

4.5 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Penyerahan Sarawak

(Buku Teks m.s. 109 – 113)

- 75 Mengapakah penyerahan Sarawak tidak dipersetujui oleh penduduk Sarawak?

- A Mencanggahi Perlembagaan 1941
- B Mendapat tentangan ahli Majlis Negeri
- C Menjejaskan sistem pentadbiran tempatan
- D Menghapus hak istimewa pemimpin tempatan

(Buku Teks m.s. 109)

- 76 Gelombang anti-penyERAHAN Sarawak berhasrat memulihkan pemerintahan Dinasti Brooke. Mengapakah hasrat tersebut dilakukan?
- Memperoleh hak berkerajaan sendiri
 - Memudahkan tuntutan kemerdekaan
 - Memulihkan sosioekonomi penduduk
 - Mendapat bimbingan mentadbir negeri

(Buku Teks m.s. 109)

- 77 Gambar berikut menunjukkan gerakan anti-penyERAHAN Sarawak kepada British pada tahun 1946.



Mengapakah berlaku gerakan antipenyERAHAN tersebut?

- Taraf kerajaan sendiri terjejas
- Sempadan negeri akan diubah
- Majlis Tertinggi Negeri dibubar
- Mahkamah Anak Negeri dimansuhkan

(Buku Teks m.s. 109)

- 78 Gerald T. MacBryan menggunakan pelbagai muslihat untuk mendapat persetujuan daripada ketua tempatan.

Apakah tipu muslihat tersebut?

- Memberi sogokan
 - Melakukan tekanan
 - Menaikkan pangkat
 - Memanipulasi dokumen
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 109)

- 79 Bagaimanakah tokoh berikut membantah penyerahan Sarawak kepada British?

- Johari Anang
- Sharkawi Osman

- Melakukan perang gerila
- Melaksanakan pemulauan
- Menganjurkan persidangan
- Menubuhkan Kongres Melayu

(Buku Teks m.s. 110)

- 80 Senarai berikut menunjukkan persatuan Sarawak.

- Barisan Pemuda Sarawak (BPS)
- Pergerakan Pemuda Sarawak (PPM)
- Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS)

Apakah reaksi pertubuhan tersebut terhadap pengambilan Sarawak oleh kerajaan British?

- Mengadakan demonstrasi
 - Menghantar surat bantahan
 - Melancarkan pemberontakan
 - Memulau pentadbiran British
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 110)

- 81 Pekeliling berikut dikeluarkan British menyekat gerakan golongan antipenyERAHAN Sarawak.

Tarikh	Surat Pekeliling
Disember 1946	Pekeliling No. 9/1946

Apakah kesan daripada pekeling tersebut?

- Pemberontak di bandar utama
- Penyerahan Sarawak ditamatkan
- Kakitangan awam meletakkan jawatan
- Kaum wanita mengadakan demonstrasi

(Buku Teks m.s. 111)

- 82 Bagaimanakah tokoh berikut melakukan penentangan terhadap penyerahan Sarawak kepada kerajaan British?



Cikgu Lily Eberwein

- Mengadakan kempen kesedaran
- Melancarkan gerakan revolusi
- Memulau pentadbiran British
- Menghantar surat bantahan

(Buku Teks m.s. 111)

83 Apakah akhbar yang mengkritik rancangan penyerahan Sarawak?

- A *Watan* C *Fajar Sarawak*
B *Suara Rakyat* D *Utusan Sarawak*

(Buku Teks m.s. 111)

84 Maklumat berikut berkaitan dengan persatuan yang melancarkan antipenyserahan Sarawak.

- Menghantar referendum
- Menghantar surat kepada kerajaan British

Apakah persatuan tersebut?

- A Kesetiaan Muda Matu
B Barisan Pemuda Sarawak
C Barisan Rakyat Jati Sarawak
D Sarawak Chinese Association

(Buku Teks m.s. 111)

85 Tokoh berikut terlibat dalam penentangan terhadap penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

Anthony Brooke

Apakah tindakan tokoh tersebut?

- A Menghantar referendum
B Melalui akhbar tempatan
C Menghantar surat bantahan
D Melalui sistem perundangan

(Buku Teks m.s. 112)

86 Golongan muda berikut terlibat dalam gerakan antipenyserahan Sarawak.



Awang
Rambli

Bujang Suntong

Morshidi
Sidek

Bagaimanakah gerakan antipenyserahan dilakukan?

- A Menubuhkan Rukun 13
B Menggunakan media cetak
C Menangkap pegawai British
D Membentuk gerakan revolusi

(Buku Teks m.s. 111)

87 Peristiwa Sungkit Berdarah telah berlaku di Sarawak.

Tahun	Tindakan
3 Disember 1949	Kumpulan Rukun 13

Apakah yang berlaku pada peristiwa tersebut?

- A Kebakaran di bandar Kuching
B Pembunuhan Duncan Stewart
C Penentang terhadap orang Iban
D Gerakan menentang James Brooke

(Buku Teks m.s. 112)

88 Pada tahun 1949, Gabenor Sarawak, Duncan Stewart telah dibunuh.

Apakah kesan peristiwa pembunuhan tersebut?

- A Pengaruh golongan radikal meningkat
B Pentadbiran kerajaan menjadi lemah
C Vyner Brooke meletak jawatan
D Rosli Dhobi dihukum gantung

(Buku Teks m.s. 112)

89 Senarai berikut adalah tindakan British yang membangkitkan kemarahan orang Melayu pada tahun 1940-an.

- Pengenalan Malayan Union
- Penyerahan Sarawak kepada British

Mengapakah tindakan tersebut membangkitkan kemarahan orang Melayu?

- A Mengubah sempadan negeri
B Menghalang perpaduan kaum
C Menjejaskan hak kaum peribumi
D Mencampuri adat istiadat tempatan

(Buku Teks m.s. 100 – 112)

90 Terdapat pemimpin tempatan yang menyokong penyerahan Sarawak kepada British.

Pemimpin tersebut ialah

- I Datu Patinggi Abdul Gaur
II Datu Amar Abang Haji Sulaiman
III Datu Bandar Abang Haji Mustapha
IV Pengiran Temenggung Hashim Jalil
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 113)

- 91 Apakah alasan pemimpin tempatan menyokong penyerahan Sarawak?
- Menjamin keamanan
 - Membangunkan negeri
 - Melicinkan pentadbiran
 - Memperoleh kemerdekaan

(Buku Teks m.s. 113)

- 92 Mengapakah penyerahan Sarawak mendapat sokongan daripada pertubuhan berikut?

Young Malay Association (YMA)

- Memberi peluang pentadbiran
- Mewujudkan perpaduan kaum
- Memajukan penduduk tempatan
- Membangunkan sistem perhubungan

(Buku Teks m.s. 113)

4.6 Penyerahan Sabah kepada Kerajaan British (Buku Teks m.s. 114 – 115)

- 93 British Military Administration (BMA) telah diperkenalkan di Sabah selepas Jepun menyerah kalah.

Apakah matlamat BMA di Sabah?

- Mengatasi masalah pasar gelap
- Memajukan sektor perdagangan
- Mengembalikan ketenteraman negeri
- Menyatukan sistem pentadbiran negeri

(Buku Teks m.s. 114)

- 94 Maklumat berikut berkaitan dengan penyerahan Sabah.

Tarikh	26 Jun 1946
Peristiwa	SBUB menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British sebagai tanah jajahan.

Mengapakah Sabah diserahkan kepada kerajaan British?

- Kedudukan yang strategik
 - Kekayaan bahan mentah
 - Kawasan pasaran utama
 - Kemajuan sistem prasarana
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 114 – 115)

- 95 Sabah merupakan negeri yang berpelembagaan untuk menggantikan jajahan British yang telah dimerdekakan.

Apakah jajahan tersebut?

- Burma
 - Brunei
 - Australia
 - Sri Lanka
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 114)

- 96 SBUB mengalami masalah kekurangan dana untuk memulihkan kerosakan kawasan berhampiran Kudat, Sandakan dan Jesselton.

- Kudat
- Sandakan
- Jesselton

Mengapakah kawasan tersebut mengalami kerosakan?

- Dirosakkan oleh bencana alam
- Diserang oleh tentera Indonesia
- Dilakukan oleh anggota komunis
- Dimusnahkan oleh tentera Jepun

(Buku Teks m.s. 114)

4.7 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Penyerahan Sabah (Buku Teks m.s. 116 – 117)

- 97 Apakah tujuan persatuan berikut ditubuhkan?

- Barisan Pemuda Sabah (BARIP)
- Persaudaraan Sahabat Pena Sabah (PASPAS)

- Membaiki ekonomi kaum bumiputera
- Memberi kesedaran pendidikan agama
- Menjaga kebajikan penduduk tempatan
- Melibatkan diri dalam pentadbiran British

(Buku Teks m.s. 116)

- 98 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan British di Sabah.

Menawarkan jawatan kenaikan pangkat kepada ahli persatuan Barisan Pemuda Sabah (BARIP).

Apakah kesan tindakan British kepada persatuan tersebut?

- Meningkatkan kemahiran pentadbiran
- Membangkitkan kesedaran berpolitik
- Kekurangan pemimpin yang berkebolehan
- Kesukaran menghimpunkan kesemua ahli

(Buku Teks m.s. 117)

- 99 Jadual berikut berkaitan dengan tindakan British di negara kita.

Tahun	Tindakan
1 April 1946	Penubuhan Malayan Union
1 Julai 1946	Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British
24 Jun 1946	Penyerahan Sabah kepada kerajaan British

Apakah persamaan tindakan British tersebut?

- A Menyekat pengaruh dan campur tangan luar
- B Mendapatkan sokongan penduduk tempatan
- C Menguasai sumber kekayaan dan pasaran
- D Mengurangkan kemasukan orang dagang

(Buku Teks m.s. 96, 107, 114)

- 100 Terdapat rakyat Sabah yang menyokong penyerahan Sabah kepada kerajaan British. Mengapakah rakyat Sabah menyokong penyerahan tersebut?

- I Memajukan bidang perniagaan
- II Mengatasi ancaman komunis
- III Mengurangkan kuasa pembesar
- IV Meluaskan jaringan perdagangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 117)